



AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

e-Lingua

Academy of Language Studies
UiTM Gawangan Pulau Pinang

January 2024

Table of Content



| | |
|---|--------------|
| <u>Chief Editor's Desk</u> | <u>2-5</u> |
| <u>News & Reports</u> | <u>6-19</u> |
| <u>Language Club News & Reports</u> | <u>20-24</u> |
| <u>Self-love First</u> | <u>25-32</u> |
| <u>Travel & Leisure</u> | <u>33-41</u> |
| <u>Home Garden</u> | <u>42-45</u> |
| <u>Teaching & Learning</u> | <u>46-54</u> |
| <u>Lecturer's Contribution</u> | <u>55-72</u> |
| <u>Creative Corner</u> | <u>73-83</u> |
| <u>The Team</u> | <u>84</u> |

Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM CPP 2023



Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) dengan slogan 'Merealisasikan daya tahan melalui jaminan kualiti' telah dianjurkan pada hari Jumaat, bertarikh 1 Disember 2023. Majlis bermula seawal 8 pagi di Dewan Besar UiTM CPP, Kampus Permatang Pauh. Staf yang turut serta pada majlis ini disarankan berpakaian bertemakan 'sukan dan kita'. Kampus Bertam telah diamanahkan untuk menganjurkan majlis tersebut pada tahun ini. Majlis gilang-gemilang ini turut disiarkan secara langsung di laman YouTube UiTM CPP supaya staf yang tidak dapat hadir secara bersemuka dapat turut menyaksikannya.



Majlis ini dianjurkan saban tahun bagi meraikan staf pentadbiran dan akademik bagi pencapaian mereka dalam pelbagai aspek bagi meningkatkan lagi mutu dan daya saing setiap warga UiTM CPP dari masa ke masa. Berikut merupakan kategori anugerah yang dipertandingkan: Anugerah Pencapaian Strategik, Anugerah KIK, Anugerah Auditor Terbaik, Anugerah Pentadbir, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2022, Anugerah Khas Jawatankuasa, Anugerah Cendekiawan Epitome 2022, dan Anugerah Jasamu Dikenang 2022. Pertandingan Nyanyian Inovasi, Cabaran TikTok, dan Kuiz Inovasi turut dianjurkan untuk mencungkil bakat dikalangan warga kerja.





Staf Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM CPP turut tidak ketinggalan dalam menggondol pelbagai anugerah. APB UiTM CPP pastinya turut berbangga dengan kejayaan warga kerjanya dan diharapkan lebih banyak kejayaan dapat dicapai pada masa hadapan. Berikut merupakan penerima anugerah dari APB UiTM CPP pada majlis kali ini:

1. Anugerah Pencapaian Strategik Kategori Jabatan: APB – Tempat Keempat (70.1%)
2. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2022: Puan Hanani Binti Ahmad Zubir & Puan Wan Noorli Binti Razali
3. Anugerah Khas Jawatankuasa (Anugerah Khidmat Masyarakat): Cik Marni Binti Jamil
4. Anugerah Cendekiawan Epitome 2022
 - a. Kategori Geran Penyelidikan Antarabangsa Aktif Fakulti & Jabatan: Dr. Norhaslinda Binti Hassan
 - b. Kategori Geran Pendidikan Nasional: Dr. Norhaslinda Binti Hassan
 - c. Kategori Geran Penyelidikan Antarabangsa: Encik Noor Azli Bin Affendy Lee & PM Dr. Hajah Rofiza Binti Aboo Bakar
 - d. Kategori Mentor Keusahawanan Terbaik (Kategori Keusahawanan): Encik Noor Azli Bin Affendy Lee
5. Anugerah Jasamu Dikenang 2022
 - a. Bersara Pilihan 2022: Puan Er Ann Nah
 - b. Bersara Wajib 2023: Encik Rasaya a/l Marimuthu
 - c. Khidmat Setia 20 Tahun: PM Dr. Che Rushita@Rushita Binti Ismail, PM Dr. Hoe Foo Terng & Puan Jothee Mathai a/p N.O. Mathai



Para hadirin dibekalkan dengan cenderahati berupa kuih tradisional (bahulu) dan dijamu juadah nasi dan pelbagai jenis lauk, minuman (panas dan sejuk), dan pencuci mulut (buah dan kuih-muih). Majlis diselang-seli dengan pelbagai bentuk persembahan termasuk 'aerodance' dan silat bagi memeriahkan lagi majlis. Majlis diakhiri dengan sesi yang mendebarkan buat semua bahagian, unit, pengajian/fakulti, jabatan pada setiap tahun iaitu pengumuman penganjur Hari Inovasi dan Kualiti UiTM CPP seterusnya. Pengajian Kejuruteraan Elektrik diumumkan sebagai penganjur Hari Inovasi dan Kualiti UiTM CPP 2024. Majlis berakhir pada pukul 12.30 tengahari selepas selesai sesi bergambar.

